



21 Oktober 2021
21 October 2021
P.U. (A) 407

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI JUALAN
(PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN
KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) 2021

*SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF
DESIGNATED AREA) (AMENDMENT) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN
KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 50 Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) (Pindaan) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2021.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2018 [P.U. (A) 206/2018] dipinda dalam perenggan 2—

(a) dengan menggantikan perkataan “yang hendak dikenakan dan dilevikan hendaklah pada kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen 10(2) Akta ke atas pengimportan” dengan perkataan “hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen 10(2) Akta ke atas pengimportan atau pengangkutan”;

(b) dalam subsubsubperenggan 2(a)(iv), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “paip rokok” dengan perkataan “paip tembakau”; dan

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pengewap” dengan perkataan “pengewapan” di mana-mana jua terdapat.